



Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses



Bidang Kejuruteraan Bioproses memainkan peranan yang sangat penting dalam perindustrian negara. Ia direkabentuk untuk menyampaikan ilmudan kemahiran kejuruteraan dan keusahawanan yang berteraskan biopemprosesan hulu dan hiliran entiti bio. Graduan dalam bidang ini akan mendapat pengetahuan dalam pelbagai aspek bioproses dan akan memahami tentang tanggungjawab terhadap alam sekitar, bio-etika serta berkemampuan untuk memasarkan produk dalam bidang berkaitan.

Di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses, para pelajar dapat menggunakan kemudahan makmal yang canggih dan terkini. Selain itu, bilik-bilik kuliah juga dilengkapi kemudahan multimedia untuk memudahkan pelajar memahami subjek yang diajar.

Objektif:

1. Mengeluarkan jurutera yang kompeten dalam aspek teori dan juga praktikal agar dapat melaksanakan tugas-tugas kejuruteraan yang berkaitan seperti penyelidikan dan pembangunan, rekabentuk, pengeluaran, pembinaan, penyeleggaraan, penjualan dan pengurusan. Tugas-tugas ini seharusnya dapat dilakukan dalam kapasiti sebagai kakitangan oerorganisasi ataupun sebagai usahawan.
2. Menyumbang kepada bekalan tenaga manusia mahir untuk menyokong keperluan Pelan Induk Perindustrian Negara.
3. Menyumbang melalui penyelidikan, perundingan dan pengajaran kepada pembangunan peralatan dan sistem terkini khasnya bagi kegunaan dan kepentingan perkhidmatan awam.
4. Membentuk pelajar agar mempunyai sifat patriotik dan jatidiri yang tinggi.

Kursus yang ditawarkan:

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bioproses.

